

Penerimaan Guru Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Di Daerah Sibul

(Teacher Acceptance of the Implementation of Special Education Integration Program (PPKI) in Sibul District)

Azian Tembren^{1*}, Mohd Mokhtar Tahar¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang Koresponden: qsu9499@gmail.com

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.10>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui dan mengenal pasti guru-guru yang menerima pelaksanaan PPKI serta cabaran yang mungkin dihadapi agar pelaksanaan PPKI ini boleh dilaksanakan secara jayanya. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi mengintegrasikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dengan murid normal. Beberapa kajian lepas telah menunjukkan terdapat faktor yang menyebabkan program yang melibatkan Pendidikan Khas yang berkonsepkan integrasi masih lagi kurang diketahui kewujudan dan fungsinya oleh warga sekolah. Penempatan MBK di sekolah-sekolah tidak diterima secara positif oleh segelintir pentadbir dan guru. Kekurangan pengetahuan tentang konsep dan pengetahuan tentang PPKI telah mewujudkan sikap penolakan dalam kalangan pentadbir dan guru. Persampelan dilakukan secara rawak iaitu melibatkan 401 orang guru daripada 10 buah sekolah rendah yang mempunyai PPKI di daerah Sibul, Sarawak. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden. Hasil analisis diskriptif mendapati penerimaan guru dari segi pengetahuan, sikap dan amalan masing-masing berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.80, 3.92 dan 3.94. Hasil analisis ujian Kolerasi Pearson pula mendapati nilai bagi ketiga-tiga konstruk tersebut menunjukkan nilai yang kurang daripada aras signifikan iaitu diklasifikasikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan guru. Pihak sekolah seharusnya berfikir positif dan menerima MBK dengan hati yang terbuka. Pengetahuan yang tinggi, sikap dan amalan yang positif dalam hubungan antara guru dan murid amat penting agar PPKI di sesebuah sekolah diterima oleh warga sekolah.

Kata kunci: penerimaan guru, pengetahuan, sikap dan amalan guru

Abstract: This study aims to assess the level of teacher acceptance of the implementation of PPKI. In addition, this study was conducted to know and identify the teachers who received the implementation of PPKI as well as the challenges that may be faced so that the implementation of PPKI can be implemented successfully. Various efforts need to be implemented to integrate Special Needs Students (MBK) with normal students. Several previous studies have shown that there are factors that cause programs involving Special Education with the concept of integration are still less known existence and function by school people. The placement of MBK in schools is not positively received by a handful of administrators and teachers. Lack of knowledge of the concept and knowledge of PPKI has created an attitude of rejection among administrators and teachers. Sampling was done

randomly involving 401 teachers from 10 primary schools with PPKI in Sibu district. This study uses a questionnaire instrument to obtain respondents' feedback. The results of the descriptive analysis found that teachers' acceptance in terms of knowledge, attitudes and practices were at a high level with mean values of 3.80, 3.92 and 3.94, respectively. The results of Pearson Correlation test analysis found that the values of the three constructs showed a value that is less than the level of significance that is classified that there is a significant relationship between knowledge, attitudes and practices of teachers. The school should think positively and accept MBK with an open heart. High knowledge, positive attitudes and practices in the relationship between teachers and students are very important for PPKI in a school to be accepted by the school community.

Keywords: teacher acceptance, knowledge, attitudes and practices of teachers

1. Pengenalan

Sekolah Pendidikan Khas merupakan sekolah yang menyediakan Pendidikan Khas untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan. Sejarah telah bermula pada tahun 1962 iaitu pelaksanaan PPKI (Rancangan Percantuman) bagi pendidikan kanak-kanak kelainan upaya penglihatan di sekolah rendah dan menengah arus perdana yang terpilih sebelum kewujudan kelas pendidikan khas Rancangan Percantuman kurang upaya pendengaran dilaksanakan pada tahun 1963. Pada tahun 1988, kelas perintis bagi murid peringkat rendah yang mengalami masalah pembelajaran ditubuhkan dan seterusnya diperluaskan ke seluruh negara. Menurut Abdul Rahim Hamdan dan Muhamad Khairul Anuar Hussin (2013), pendidikan khas ialah suatu program yang mana pelajar berkeperluan khas menerima pendidikan formal secara lebih khusus sama ada akademik mahupun bukan akademik. Pelbagai dasar telah diwujudkan agar MBK mendapat hak yang sama rata untuk memastikan di semua sekolah MBK tersebut mendapat akses pendidikan yang berkualiti. Penyediaan pendidikan untuk MBK ini selaras dengan Perkara 28 Akta Orang Kurang Upaya Malaysia 2008 yang menegaskan bahawa keperluan khas kanak-kanak perlu diberi sokongan untuk memudahkan “penglibatan penuh dan kesamarataan dalam pendidikan”. Usaha untuk kesamarataan akses dan memastikan MBK mendapat kualiti untuk Pendidikan Khas, cabaran yang paling utama adalah untuk memastikan semua sekolah mempunyai peralatan khas dan bahan sokongan pembelajaran yang lengkap dan terkini, infrastruktur mesra OKU dan paling utama pakar dalam Pendidikan Khas serta pakar terapi untuk membantu murid-murid mengikut keperluan masing-masing.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan telah memberi kesamarataan pendidikan kepada semua pelajar yang ada di Malaysia. Pendidikan Khas merupakan perkhidmatan pendidikan yang diwujudkan khusus untuk memenuhi keperluan pendidikan untuk murid berkeperluan khas. Perlaksanaannya bukan sahaja dengan mewujudkan Sekolah Pendidikan Khas malahan Program Pendidikan Integrasi dan pendekatan inklusif juga dibangunkan bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas ini. Dalam konteks Malaysia, penekanan kepada kebolehan, kefungisian, kemahiran perkembangan, penguasaan dan pencapaian kanak-kanak berkeperluan khas dalam perkembangan kemahiran-kemahiran (developmental skills). Menurut Mohd. Sofi, Rohana & Amirmudin (2010), PPKI merupakan kesinambungan program yang bermutu bagi memenuhi keperluan dan kebolehan khusus kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam persekitaran biasa.

Selain itu, kementerian perlu menangani cabaran salah anggapan sesetengah golongan masyarakat dan ibu bapa terhadap pendidikan MBK. Lebih menyedihkan lagi, terdapat segelintir guru aliran perdana yang dianggap masih lagi belum terbuka mindanya walaupun PPKI sememangnya telah menjadi komuniti di sekolah. Kewujudan PPKI di sesebuah sekolah semestinya menimbulkan banyak isu walaupun program ini telah lama bertapak di sesebuah sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI di sekolah masing-masing.

2. Sorotan Literatur

Pengetahuan, sikap dan amalan merupakan suatu perkara yang penting dalam menentukan seseorang individu itu mempunyai tanggungjawab. Dalam konteks ini, individu yang dimaksudkan adalah guru. Kajian ini merujuk kepada Model KAP (Knowledge, Attitude, Practice) yang telah diasaskan oleh Ramsey and Rickson, 1976. Terdapat tiga perkara yang ditekankan dalam model ini iaitu pengetahuan, sikap dan amalan. Sehubungan dengan itu, penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI adalah dipengaruhi oleh ketiga-tiga perkara tersebut. Guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang tinggi agar sikap dan tingkahlaku mereka iaitu dari segi penerimaan terhadap PPKI dapat dijadikan amalan dalam kehidupan mereka. Ini bermaksud, sekiranya seorang guru telah dapat menerima PPKI ini, maka pelaksanaan PPKI dapat diteruskan dengan jayanya dan sikap penerimaan positif ini merupakan amalan yang perlu diadaptasi dalam diri seorang guru. Berdasarkan model KAP juga, pertambahan pengetahuan pada seseorang akan mendorong kepada perubahan sikap dan ini akan menyebabkan berlaku perubahan pada amalan atau tingkah laku seseorang.

Pengetahuan merupakan asas kepada penentuan sikap, niat dan tingkah laku. Kaiser et al. (1999) telah menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan bahawa pengetahuan merupakan asas kepada sikap dan tingkah laku seseorang. Pendedahan terhadap maklumat baru melalui kursus, ceramah, kelas, media, syarahan dan lain-lain aktiviti ilmiah boleh meningkatkan pengetahuan seseorang. Dari aspek sikap pula, seseorang selalunya bertindak berdasarkan sikap yang terhasil daripada pengetahuan. Oleh itu, perubahan pada sikap akan membawa kepada perubahan tingkah laku. Manakala bagi amalan atau tingkah laku seseorang adalah berdasarkan pengetahuan yang diperolehi. Menurut Kaliyaperumal et al. (2004), amalan atau tingkah laku adalah cara seseorang itu menunjukkan pengetahuan mereka melalui tindakan.

Menurut Sahin et al. (2012), pengetahuan mengenai isu alam sekitar memberi kesan kepada sikap seseorang individu terhadap alam sekitar. Seterusnya sikap akan membawa kepada tingkah laku dan tingkah laku akan mendorong penglibatan seseorang individu mendalami ilmu pengetahuan dan kitaran tersebut akan berlaku secara berterusan. Sehubungan dengan itu, kajian ini didasarkan kepada tiga domain utama yang merujuk kepada Model KAP untuk mengukur sejauh mana tahap penerimaan iaitu pengetahuan, sikap dan amalan guru-guru terhadap pelaksanaan PPKI di sekolah masing-masing dengan andaian bahawa setiap penerimaan akan bermula daripada pengetahuan seterusnya kepada sikap dan amalan.

3. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ianya bersesuaian bagi membolehkan pengkaji mengumpul data bagi sampel kajian yang besar. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diubah dan diadaptasi daripada kajian Daniela Dimitrova dan Natasha Chichevska (2015) dan Rohaizat Ibrahim (2019) mengikut keperluan

yang dikaji. Soal selidik tersebut menggunakan skala likert lima tahap dengan nilai, 1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = kurang setuju; 4 = setuju; 5 = sangat setuju. Pengedaran soal selidik kepada responden dijalankan secara *Google Form*.

Seramai 401 guru daripada sepuluh buah sekolah rendah yang mempunyai PPKI telah diambil sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel adalah menggunakan teknik persampelan rawak. Kriteria guru yang beropsyen Pendidikan Khas tidak menjejaskan pemilihan sebagai sampel kajian. Pengkaji tidak menetapkan ciri-ciri sampel kajian yang perlu diambil. Teknik persampelan ini digunakan supaya semua guru mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Maklum balas kepada set soalan yang diedarkan dan diterima telah dianalisis menggunakan Cronbach Alpha dan mendapati bahawa konstruk pengetahuan telah menghasilkan nilai yang baik iaitu 0.894. Bagi konstruk sikap dan amalan masing-masing menunjukkan nilai yang cemerlang iaitu 0.934 dan 0.914. Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik dan dapat menghasilkan data yang lebih tepat serta boleh dipercayai. Kesahan kandungan bagi soal selidik juga telah ditentukan melalui semakan tiga orang pakar bahasa dan seorang pakar bidang Pendidikan Khas yang berpengalaman.

Pengkaji telah menggunakan perisian "*Statistical Package of the Social Sciences*" (SPSS) untuk menganalisis data yang telah diperolehi dari data soal selidik. Data yang telah dianalisis seterusnya dipaparkan dalam bentuk jadual. Ini memudahkan pembaca merujuk dan memahami hasil kajian tersebut. Analisis data yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah analisis statistik deskriptif yang digunakan untuk memerihalkan penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI dari segi pengetahuan, sikap dan amalan dalam bentuk jumlah kekerapan, peratus dan min.

4. Dapatan Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual di bawah menunjukkan taburan responden berdasarkan enam faktor demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi, pengkhususan, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah.

Jadual 1: Taburan Responden

Ciri-ciri	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	79	19.7
	Perempuan	322	80.3
Umur	26-35 tahun	75	18.7
	36-45 tahun	183	45.6
	46 tahun ke atas	143	35.7
Kelayakan Akademik Tertinggi	SPM	10	2.5
	STPM	6	1.5
	Sijil	7	1.7
	Diploma	19	4.7
	Ijazah	304	75.8
Pengkhususan	Sarjana	55	13.7
	Pendidikan Khas	31	7.7
	Bukan Pendidikan Khas	370	92.3
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	9	2.2

	6-10 tahun	81	20.2
	11-15 tahun	117	29.2
	16-20 tahun	58	14.5
	lebih 20 tahun	136	33.9
Lokasi Sekolah	Bandar	361	90.0
	Luar Bandar	40	10.0

Jadual 1 menunjukkan 79 responden (19.7%) adalah lelaki manakala 322 responden (80.3%) adalah perempuan. Hal ini menjelaskan bahawa populasi guru lelaki lebih rendah berbanding guru perempuan. Berdasarkan kepada umur responden, majoriti responden adalah berumur dalam lingkungan usia 36 sehingga 45 tahun dengan jumlah seramai 183 reponden (45.6%). Manakala responden yang paling sedikit terlibat dalam kajian ini berusia dalam lingkungan 26 tahun sehingga 35 tahun iaitu seramai 75 reponden (18.7%). Seterusnya, bagi kelayakan akademik tertinggi pula telah mencatatkan majoriti responden mempunyai Ijazah iaitu seramai 304 reponden (75.8%) diikuti dengan Sarjana seramai 55 reponden (13.7%), Diploma seramai 19 reponden (4.7%), SPM seramai 10 reponden (2.5%), Sijil seramai 7 reponden (1.7%) dan STPM seramai 6 reponden (1.5%). Seramai 31 reponden (7.7%) dikhususkan dalam Pendidikan Khas manakala 370 reponden (92.3) dikhususkan dalam bukan Pendidikan Khas. Majoriti responden telah mempunyai pengalaman mengajar dengan seramai 136 reponden (33.9%) mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun dan hanya 9 reponden (2.2%) mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun. Majoriti responden mengajar di bandar iaitu seramai 361 responden (90%) manakala 40 responden (10%) mengajar di luar bandar.

Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PPKI

Jadual di bawah merupakan analisis bagi soal selidik untuk Bahagian B bagi Konstruksi Pengetahuan Guru yang menunjukkan skala penerimaan dan frekuensi serta nilai min, sisihan piawai dan tahap skor min bagi setiap item dalam soal selidik.

Bil.	BAHAGIAN B: Kenyataan	SKALA PENERIMAAN/ FREKUENSI (%)					Min	Sisihan Piawai	TAHAP
		STS	TS	KS	S	SS			
B1.	Saya mengetahui kewujudan kelas PPKI di sekolah/ daerah saya.	1 0.2%	0 0%	3 0.7%	105 26.2%	292 72.8%	4.71	0.50	Sangat Tinggi
B2.	Saya mempunyai pengetahuan yang cukup tentang kaedah mengurus dan mengajar murid PPKI.	24 6%	37 9.2%	158 39.4%	138 34.4%	44 11%	3.35	0.99	Sederhana
B3.	Saya bersetuju bahawa pihak pentadbir memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI.	2 0.5%	1 0.2%	26 6.5%	164 40.9%	208 51.9%	4.43	0.67	Tinggi

B4. Saya bersetuju guru aliran perdana memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI.	7	5	42	188	159				
	1.7%	1.2%	10.5%	46.9%	39.7%	4.21	0.81	Tinggi	
B5. Saya bersetuju guru pendidikan khas memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI.	0	0	12	137	252			Sangat	
	0%	0%	3%	34.2%	62.8%	4.60	0.55	Tinggi	
B6. Saya mempunyai pengetahuan yang berupaya memotivasikan murid PPKI.	24	33	149	151	44				
	6%	8.2%	37.2%	37.7%	11%	3.39	0.99	Sederhana	
B7. Saya mempunyai pengetahuan menghasilkan BBB (Bahan Bantu Belajar) yang bermutu bagi meningkatkan kefahaman murid PPKI.	22	43	152	152	32				
	5.5%	10.7%	37.9%	37.9%	8%	3.32	0.96	Sederhana	
B8. Saya selalu berkongsi pengetahuan dengan guru-guru lain tentang pelaksanaan PPKI	23	57	147	130	44				
	5.7%	14.2%	36.7%	32.4%	11%	3.29	1.03	Sederhana	
B9. Saya kerap berkongsi pengetahuan dan kaedah pengajaran yang berkesan untuk murid PPKI dengan guru-guru lain.	26	56	164	115	40				
	6.5%	14%	40.9%	28.7%	10%	3.22	1.02	Sederhana	
B10. Saya mempunyai pengetahuan tentang polisi dan dasar pendidikan bagi pelaksanaan kelas PPKI yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).	14	46	115	187	39				
	0%	0%	32%	44%	24%	3.48	0.94	Sederhana	
Keseluruhan						3.80	0.62	Tinggi	

Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden (72.8%) telah mengetahui kewujudan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah atau daerah mereka. Seterusnya, rata-rata responden (39.4%) mempunyai pengetahuan yang cukup tentang kaedah mengurus dan mengajar murid PPKI. Majoriti responden (51.9%) juga sangat bersetuju bahawa pihak pentadbir memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI. Kebanyakan responden (46.9%) bersetuju guru aliran perdana telah memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI. Sebanyak 62.8% responden bersetuju bahawa guru pendidikan khas memberi sokongan yang mencukupi terhadap pelaksanaan PPKI. Terdapat 37.7% responden menyatakan mereka mempunyai pengetahuan yang berupaya memotivasikan murid PPKI manakala 37.9% responden mempunyai pengetahuan menghasilkan BBB (Bahan Bantu Belajar) yang bermutu bagi meningkatkan kefahaman murid PPKI. Selanjutnya, rata-rata responden (36.7%) selalu berkongsi pengetahuan dengan guru-guru lain tentang pelaksanaan PPKI manakala 40.9% responden kerap berkongsi pengetahuan dan kaedah pengajaran yang berkesan untuk murid PPKI dengan guru-guru lain. Kebanyakan responden (44%) mempunyai pengetahuan tentang polisi dan dasar pendidikan bagi pelaksanaan kelas PPKI yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Secara keseluruhannya, skor min bagi konstruk pengetahuan guru berada pada tahap tinggi iaitu 3.80 dengan sisihan piawai 0.62.

Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PPKI

Jadual di bawah merupakan analisis bagi soal selidik untuk Bahagian C bagi Konstruk Sikap Guru yang menunjukkan skala penerimaan dan frekuensi serta nilai min, sisihan piawai dan tahap skor min bagi setiap item dalam soal selidik.

Jadual 3: Analisis Soal Selidik Bahagian C: Konstruk Sikap Guru									
Bil.	BAHAGIAN C	SKALA PENERIMAAN/ FREKUENSI (%)					Min	Sisihan Piawai	TAHAP
		Kenyataan	STS	TS	KS	S			
C1.	Saya menyokong pelaksanaan PPKI di sekolah saya.	4	3	21	131	242	4.51	0.72	Sangat Tinggi
		1%	3%	5.2%	32.7%	60.3%			
C2.	Saya berasa selesa dan mudah berinteraksi dengan murid yang mempunyai masalah Autisme, masalah fizikal, penglihatan dan sebagainya.	8	24	114	179	76	3.73	0.91	Tinggi
		2%	6%	28.4%	44.6%	19%			
C3.	Saya berusaha mengajar murid PPKI mengikut tahap keupayaan mereka.	12	31	105	167	86	3.71	0.99	Tinggi
		3%	7.7%	26.2%	41.6%	21.4%			
C4.	Saya memandang murid di kelas PPKI sebagai murid 'saya'.	1	10	41	192	157	4.23	0.75	Tinggi
		0.2%	2.5%	10.2%	47.9%	39.2%			
C5.	Saya selesa dengan perkhidmatan sokongan yang disediakan di PPKI sekolah saya.	3	9	36	201	152	4.22	0.76	Tinggi
		0.7%	2.2%	9%	50.1%	37.9%			
C6.	Saya membantu murid PPKI untuk menyampaikan pemikiran dan perasaan mereka dengan cara yang alternatif (misalnya melalui gambar, bahasa isyarat, papan komunikasi dan sebagainya).	9	24	106	187	75	3.74	0.91	Tinggi
		2.2%	6%	26.4%	46.6%	18.7%			
C7.	Saya tahu bila untuk memulakan proses memilih penyesuaian dan modifikasi dengan aktiviti, kurikulum dan bahan pengajaran	9	35	135	172	50	3.55	0.89	Tinggi
		2.2%	8.7%	33.7%	42.9%	12.5%			
C8.	Saya menggunakan pendekatan mendorong lebih daripada menegur MBK.	7	19	74	222	79	3.87	0.84	Tinggi
		1.7%	4.7%	18.5%	55.4%	19.7%			
C9.	Saya bersedia menerima kepelbagaian MBK dalam bilik darjah	10	13	82	200	96	3.90	0.89	Tinggi
		2.5%	3.2%	20.4%	49.9%	23.9%			
C10	Saya bersedia menyediakan bahan pembelajaran mengikut kategori MBK.	10	16	93	204	78	3.81	0.88	Tinggi
		2.5%	4%	23.2%	50.9%	19.5%			
Keseluruhan						3.92	0.68	Tinggi	

Berdasarkan jadual di atas, hampir kesemua responden (60.3%) menyokong pelaksanaan PPKI di sekolah. Sebanyak 44.6% responden berasa selesa dan mudah berinteraksi dengan murid yang mempunyai masalah Autisme, masalah fizikal, penglihatan dan sebagainya. Seterusnya 41.6% responden akan berusaha mengajar murid PPKI mengikut tahap keupayaan mereka manakala 47.9% respondent memandang murid di kelas PPKI sebagai murid 'saya'. Majoriti responden (50.1%) selesa dengan perkhidmatan sokongan yang disediakan di PPKI sekolah saya. Rata-rata responden (46.6%) ingin membantu murid PPKI untuk menyampaikan

pemikiran dan perasaan mereka dengan cara yang alternatif (misalnya melalui gambar, bahasa isyarat, papan komunikasi dan sebagainya). Selanjutnya, 42.9% responden menyatakan bahawa mereka tahu bila untuk memulakan proses memilih penyesuaian dan modifikasi dengan aktiviti, kurikulum dan bahan pengajaran. Kebanyakan responden (55.4%) menggunakan pendekatan mendorong lebih daripada menegur MBK. Sebanyak 49.9% responden bersedia menerima kepelbagaian MBK dalam bilik darjah manakala 50.9% bersedia menyediakan bahan pembelajaran mengikut kategori MBK. Secara keseluruhannya, skor min bagi sikap guru berada pada tahap tinggi iaitu 3.92 dengan sisihan piawai 0.68.

Tahap Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PPKI

Jadual di bawah merupakan analisis bagi soal selidik untuk Bahagian D bagi konstruk amalan guru yang menunjukkan skala penerimaan dan frekuensi serta nilai min, sisihan piawai dan tahap skor min bagi setiap item dalam soal selidik.

Jadual 4: Analisis Data Soal Selidik Bahagian D: Amalan Guru										
Bil.	BAHAGIAN D	SKALA PENERIMAAN/ FREKUENSI (%)					Min	Sisihan Piawai	TAHAP	
		Kenyataan	STS	TS	KS	S				ST
D1.	Saya setuju murid PPKI ditempatkan di sekolah biasa.	16	26	103	173	83	3.70	0.99	Tinggi	
		4%	6.5%	25.7%	43.1%	20.7%				
D2.	Susunan fizikal bilik darjah PPKI di sekolah saya disesuaikan untuk pelbagai kategori murid berkeperluan khas (MBK).	11	14	51	218	107	3.99	0.89	Tinggi	
		2.7%	3.5%	12.7%	54.4%	26.7%				
D3.	Persekitaran bilik darjah PPKI di sekolah saya responsif terhadap pelbagai keperluan pengajaran dan tingkah laku murid PPKI.	8	13	51	215	114	4.03	0.85	Tinggi	
		2%	3.2%	12.7%	53.6%	28.4%				
D4.	Saya berminat mengikuti sebarang program atau karnival berkaitan dengan PPKI.	10	16	79	213	83	3.86	0.88	Tinggi	
		2.5%	4%	19.7%	53.1%	20.7%				
D5.	Saya berusaha untuk mencari maklumat dan info tentang PPKI.	9	22	95	205	70	3.76	0.88	Tinggi	
		2.2%	5.5%	23.7%	51.1%	17.5%				
D6.	Saya setuju pencapaian murid PPKI akan meningkat.	1	9	46	251	94	4.07	0.68	Tinggi	
		2%	2.2%	11.5%	62.6%	23.4%				
D7.	Saya setuju dan yakin terhadap kebolehan murid di kelas PPKI.	2	5	48	248	98	4.08	0.67	Tinggi	
		5%	1.2%	12%	61.8%	24.4%				
D8.	Saya sangat teruja dengan murid PPKI.	4	9	76	232	80	3.94	0.75	Tinggi	
		1%	2.2%	19%	57.9%	20%				
D9.	Saya faham bila, di mana dan bagaimana menawarkan perkhidmatan sokongan kepada murid PPKI?	8	16	106	213	58	3.74	0.83	Tinggi	
		2%	4%	26.4%	53.1%	14.5%				
D10	Saya setuju kelas PPKI perlu dikekalkan/ diwujudkan di sesebuah sekolah.	1	5	30	195	170	4.32	0.69	Tinggi	
		0.2%	1.2%	7.5%	48.6%	42.4%				
Keseluruhan						3.95	0.61	Tinggi		

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan responden (43.1%) bersetuju murid PPKI ditempatkan di sekolah biasa. Sebanyak 54.4% responden menyatakan susunan fizikal bilik darjah PPKI di sekolah sesuai untuk pelbagai kategori murid berkeperluan khas dan 53.6% responden menyatakan persekitaran bilik darjah PPKI di sekolah adalah responsif terhadap pelbagai keperluan pengajaran dan tingkah laku murid PPKI. Kebanyakan responden (53.1%) juga berminat mengikuti sebarang program atau karnival berkaitan dengan PPKI. Seterusnya, majoriti responden (51.1%) berusaha untuk mencari maklumat dan info tentang PPKI. Terdapat 62.6% responden yang bersetuju bahawa pencapaian murid PPKI akan meningkat manakala 61.8% yakin terhadap kebolehan murid di kelas PPKI. Sebilangan besar responden (57.9%) sangat teruja dengan murid PPKI. Selanjutnya, sebanyak 53.1% responden faham bila, di mana dan bagaimana untuk menawarkan perkhidmatan sokongan kepada murid PPKI. Rata-rata responden (48.6%) bersetuju agar kelas PPKI dikekalkan atau diwujudkan di sesebuah sekolah. Secara keseluruhannya, purata min bagi konstruk amalan guru berada pada tahap tinggi iaitu 3.95 dengan sisihan piawai 0.61.

Tahap Hubungan Antara Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PPKI

Jadual di bawah menunjukkan kolerasi antara tiga konstruk iaitu pengetahuan, sikap dan amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Korelasi sangatlah penting bagi peneliti untuk dipelajari, sebab dengan memahaminya, para peneliti dapat menilai kekuatan hubungan antara variabel-variabel di dalam penelitian. Serta juga dapat menilai apakah kekuatan hubungan antara variabel bermakna secara statistik atau tidak.

Jadual 5: Kolerasi Antara Pengetahuan, Sikap dan Amalan

		Pengetahuan	Sikap	Amalan
Pengetahuan	Pearson Correlation	1	.846**	.711**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	401	401	401
Sikap	Pearson Correlation	.846**	1	.806**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	401	401	401
Amalan	Pearson Correlation	.711**	.806**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	401	401	401

Hasil kajian mendapati terdapat tiga hubungan yang perlu dikaji iaitu Pengetahuan dengan Sikap dan Amalan, Sikap dengan Pengetahuan dan Amalan, Amalan dengan Pengetahuan dan Sikap. Didapati ketiga-tiga hubungan tersebut memberikan nilai signifikan yang kurang daripada 0.05. Oleh yang demikian, terdapat hubungan yang signifikan antara tiga konstruk tersebut.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Guru Dengan Faktor Demografi Hubungan Antara Tahap Penerimaan Guru Dengan Jantina

Jadual di bawah menunjukkan data statistik dan keputusan Ujian T bagi faktor demografi jantina lelaki dan perempuan.

Jadual 6: Data Faktor Demografi (Jantina)

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Penerimaan	Lelaki	79	117.8481	20.45451	2.30131
	Perempuan	322	116.4627	17.06703	.95111

Jadual 7: Ujian T

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means	
		F	Sig.	T	df
Penerimaan	Equal variances assumed	5.988	.015	.621	399
	Equal variances not assumed			.556	106.169

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi jantina ialah 0.015 iaitu kurang daripada nilai signifikan 0.05. Maka, terdapat hubungan signifikan antara faktor jantina dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Dengan Pengkhususan

Jadual 8 menunjukkan data statistik dan keputusan Ujian T bagi faktor demografi pengkhususan guru pendidikan khas dan bukan pendidikan khas.

Jadual 8: Data Faktor Demografi(Pengkhususan)

Pengkhususan		N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Penerimaan	Pendidikan Khas	31	129.5484	19.35431	3.47614
	Bukan Pendidikan Khas	370	115.6622	17.22675	.89558

Jadual 9: Ujian T

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means	
		F	Sig.	T	df
Penerimaan	Equal variances assumed	.037	.847	4.269	399
	Equal variances not assumed			3.868	34.103

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi pengkhususan ialah 0.847 iaitu lebih daripada 0.05. Maka, tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor pengkhususan dengan tahap penerimaan guru aliran perdana terhadap pelaksanaan PPKI.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Dengan Lokasi Sekolah

Jadual di bawah menunjukkan data statistik dan keputusan Ujian T bagi faktor demografi lokasi sekolah bandar dan luar bandar.

Jadual 10: Data Faktor Demografi (Lokasi Sekolah)

	Lokasi	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Penerimaan	Bandar	361	118.0693	17.47246	.91960
	Luar bandar	40	104.7000	15.94735	2.52150

Jadual 11: Ujian T

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means	
		F	Sig.	T	df
Penerimaan	Equal variances assumed	.112	.738	4.630	399
	Equal variances not assumed			4.981	49.969

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi lokasi sekolah ialah 0.738 iaitu lebih daripada nilai signifikan 0.05. Maka, tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor lokasi sekolah dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Dengan Kelayakan Akademik Tertinggi

Jadual di bawah menunjukkan data statistik dan keputusan Anova bagi faktor demografi kelayakan akademik tertinggi guru.

Jadual 12: Data Faktor Demografi (Kelayakan Akademik)

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean	
					Lower Bound	Upper Bound
SPM	10	111.6000	13.03159	4.12095	102.2778	120.9222
STPM	6	104.6667	13.04863	5.32708	90.9730	118.3604
Sijil	7	116.7143	10.76591	4.06913	106.7575	126.6711
Diploma	19	114.6316	18.18794	4.17260	105.8653	123.3979
Ijazah	304	118.4079	17.16349	.98439	116.4708	120.3450
Sarjana	55	110.4727	20.96722	2.82722	104.8045	116.1410
Total	401	116.7357	17.76640	.88721	114.9915	118.4798

Jadual 13: Ujian Anova

	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2573.834	2	1286.917	4.141	.017
Within Groups	123684.146	398	310.764		
Total	126257.980	400			

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi kelayakan akademik ialah 0.017 iaitu kurang daripada 0.05. Maka, terdapat hubungan signifikan antara faktor kelayakan akademik dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Dengan Pengalaman Mengajar

Jadual di bawah menunjukkan data statistik dan keputusan Ujian Anova bagi faktor demografi pengalaman mengajar.

Jadual 14: Faktor demografi (Pengalaman Mengajar)

Pengalaman Mengajar	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean	
					Lower Bound	Upper Bound
kurang 5 tahun	9	123.3333	14.22146	4.74049	112.4017	134.2649
6-10 tahun	81	120.5679	18.36569	2.04063	116.5069	124.6289
11-15 tahun	117	112.9658	20.25141	1.87224	109.2576	116.6740
16-20 tahun	58	115.9483	15.01861	1.97204	111.9993	119.8972
lebih 20 tahun	136	117.5956	15.83357	1.35772	114.9104	120.2807
Total	401	116.7357	17.76640	.88721	114.9915	118.4798

Jadual 17: Ujian Anova

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2573.834	2	1286.917	4.141	.017
Within Groups	123684.146	398	310.764		
Total	126257.980	400			

Jadual 15: Ujian Anova

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	3380.638	4	845.160	2.724	.029
Within Groups	122877.342	396	310.296		
Total	126257.980	400			

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi pengalaman mengajar ialah 0.029 iaitu kurang daripada 0.05. Maka, terdapat hubungan signifikan antara faktor demografi pengalaman mengajar dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Hubungan Antara Tahap Penerimaan Guru Dengan Umur

Jadual seterusnya menunjukkan data statistik dan keputusan Ujian Anova bagi faktor demografi umur guru 26 tahun hingga 46 tahun ke atas.

Jadual 16: Data Faktor demografi (umur)

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean	
					Lower Bound	Upper Bound
26-35 tahun	75	120.9333	16.80278	1.94022	117.0674	124.8000
36-45 tahun	183	114.2623	19.09424	1.41149	111.4773	117.0473
46 tahun ke atas	143	117.6993	16.01849	1.33953	115.0513	119.3473
Total	401	116.7357	17.76640	.88721	114.9915	118.4798

Berdasarkan jadual di atas, nilai signifikan bagi faktor demografi mengikut umur ialah 0.017 iaitu kurang daripada 0.05. Maka, terdapat hubungan signifikan antara faktor demografi umur dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Dapatan Kajian Keseluruhan

Pengkaji telah menganalisis data menggunakan kaedah kuantitatif atau dikenali sebagai kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif. Dalam kajian ini, statistik deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan persoalan kajian. Jadual 18 di bawah menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan untuk menentukan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Jadual 18: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
0.00 – 1.50	Sangat rendah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.50	Tinggi
4.51 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Education in Medicine Journal, by Latif and Abdul, 2019

Jadual 19: Skor Min bagi pengetahuan, sikap dan amalan

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Bahagian B: Pengetahuan	3.80	0.62	Tinggi
Bahagian C: Sikap	3.92	0.68	Tinggi
Bahagian D: Amalan	3.94	0.61	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas, amalan mempunyai skor min tinggi (3.94) dan kemudian diikuti dengan sikap (3.92) dan pengetahuan (3.80). Bagi sisihan piawai, skor sisihan piawai tertinggi ialah sikap (0.68), manakala skor terendah ialah amalan (0.61). Oleh itu, tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI boleh diklasifikasikan sebagai tinggi dengan varians yang minimum.

Jadual 20: Nilai Signifikan Faktor Demografi

Faktor Demografi	Nilai	Keputusan
Jantina	0.015	Signifikan
Umur	0.017	Signifikan
Kelayakan Akademik	0.017	Signifikan
Pengkhususan	0.847	Tidak Signifikan
Pengalaman Mengajar	0.029	Signifikan
Lokasi Sekolah	0.738	Tidak Signifikan

Jadual 20 menunjukkan nilai signifikan bagi enam faktor demografi. Nilai signifikan ini diuji menggunakan Ujian T bagi faktor demografi jantina, pengkhususan dan lokasi sekolah manakala bagi faktor demografi umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar pengkaji telah menggunakan ujian Anova. Terdapat dua faktor demografi yang menunjukkan nilai yang melebihi nilai aras signifikan iaitu faktor pengkhususan (0.847) dan faktor lokasi sekolah (0.738). Nilai ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara faktor demografi pengkhususan dan lokasi sekolah dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor demografi bagi jantina, umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar mempengaruhi penerimaan guru. Ini kerana keempat-empat faktor tersebut memberikan nilai yang kurang daripada aras signifikan iaitu jantina, 0.015, umur dan kelayakan akademik, 0.017, pengalaman mengajar, 0.029.

5. Perbincangan

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI di daerah Sibul. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dan mengenal pasti penerimaan guru dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan bagi memastikan pelaksanaan PPKI di daerah Sibul mendapat perhatian dan sokongan sepenuhnya oleh warga sekolah.

Tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PPKI di Daerah Sibul adalah tinggi. Ini kerana, dalam konstruk B ini majoriti responden telah mengetahui kewujudan kelas PPKI di sekolah atau daerah mereka. Di samping itu, pelaksanaan PPKI bukan sahaja disokong oleh guru Pendidikan khas sahaja tetapi juga mendapat sokongan daripada guru aliran perdana dan pihak pentadbir. Tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pelaksanaan PPKI di kalangan guru aliran perdana dan pihak pentadbir di daerah Sibul telah menjamin dan memberi peluang serta keistimewaan kepada MBK mendapat pendidikan seperti murid di arus perdana. Berbeza dengan kajian Siti Muhibah dan Zetty Nurzuliana (2018), masalah yang jelas berlaku ialah dari segi penerimaan pihak pentadbir terhadap PPKI di mana terdapat segelintir pentadbir tidak faham dan arif mengenai MBK dan seterusnya bertindak tidak menerima pelaksanaan PPKI. Menurut kajian Noor Aina Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah (2015) juga bersetuju bahawa pengetahuan guru yang tinggi adalah sangat penting dalam mengurus tingkah laku, memberi kepercayaan dan keyakinan kepada ibu bapa atau penjaga untuk menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka kepada guru pendidikan khas. Perkongsian ilmu antara ibu bapa atau penjaga murid dan guru pendidikan khas melalui perbincangan yang diadakan pasti membantu kedua-dua pihak mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku yang lebih positif.

Sikap guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Bagi konstruk C iaitu sikap guru terhadap pelaksanaan PPKI di daerah Sibul juga tinggi. Ini selaras dengan maklum balas kajian, majoriti responden menyokong pelaksanaan PPKI di sekolah masing-masing dengan mempunyai min yang tertinggi iaitu 4.71. Hal ini kerana, sikap guru yang positif sangat mempengaruhi penerimaan pelaksanaan program ini. Menurut Model Sikap Nelson and Quick (2004), menyatakan bahawa sikap yang positif menunjukkan perkaitan dengan komitmen seseorang. Oleh itu, model tersebut selari dengan teori yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu TRA. Berdasarkan teori tersebut, guru yang mempunyai sikap yang positif sememangnya akan mempengaruhi penerimaan pelaksanaan PPKI di sekolah. Selain itu, sikap guru terhadap pelaksanaan PPKI di daerah Sibul adalah menyenangkan hasil pengetahuan guru yang merupakan hasil belajar. Pernyataan ini disokong oleh kajian Ajzen dan Fishbein (1970), yang menyatakan bahawa sikap merupakan suatu kecenderungan secara konsisten memberikan tanggapan menyenangkan atau tidak menyenangkan terhadap suatu objek, kecenderungan ini merupakan hasil belajar bukan pembawaan atau keturunan.

Tahap amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Bagi konstruk D iaitu tahap amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI di daerah Sibul juga menunjukkan skor min pada tahap tinggi. Ini selaras dengan maklum balas kajian, majoriti responden menyokong dan berharap agar PPKI terus diwujudkan dan dikekalkan di sekolah masing-masing dengan mempunyai min yang tertinggi iaitu 4.32. Selain itu, hasil kajian mendapati majoriti responden telah memberi maklum balas yang positif bagi setiap item dalam konstruk D dengan memberi nilai min pada tahap tinggi. Oleh yang demikian, guru di daerah Sibul mempunyai komitmen dan kesedaran yang tinggi serta telah menerima pelaksanaan PPKI

di sekolah. Kajian ini selaras dengan pernyataan oleh Meja Pengarang Jurnal pendidikan, (1992), yang menyatakan bahawa mutu pendidikan bukan sahaja berkait dengan mutu pengajaran termasuk sikap guru dan kesediaan murid untuk belajar, tetapi dipengaruhi oleh faktor bagaimana pendidikan bermutu diwujudkan melalui pengurusan pendidikan yang bukan sahaja bersistem, berkesan dan cekap bahkan juga harmonis dan berteraskan ilmu. Akta Pendidikan 1996, (Akta 550) Bab 8 Perenggan 40 menyatakan bahawa Menteri diberi kuasa untuk mengadakan pendidikan khas bergantung kepada keperluan semasa dan menetapkan Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas yang menjadi asas kepada penggubalam Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas. Kod amalan ini dijadikan panduan dan penerangan tentang prosedur penyampaian perkhidmatan pendidikan MBK di bawah bidang kuasa KPM bagi memastikan mereka memperoleh akses pendidikan yang berkualiti dan bermanfaat ke arah perkembangan hidup yang berkualiti. Melalui kod amalan ini, pihak guru terutamanya akan memahami tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dan dengan ini menyokong pelaksanaan PPKI di sekolah masing-masing.

Hubungan antara pengetahuan, sikap dan amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat hubungan kolerasi yang kuat antara tahap pengetahuan, sikap dan amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Keputusan analisis juga menunjukkan hipotesis ditolak kerana nilai kurang daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan guru terhadap pelaksanaan PPKI kerana nilai p adalah kurang daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05.

Hubungan antara tahap penerimaan guru dengan faktor demografi.

Berdasarkan dapatan kajian terdapat enam faktor demografi yang telah dikaji hubungannya dengan tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Dua faktor demografi iaitu pengkhususan dan lokasi sekolah telah menunjukkan nilai yang tidak signifikan. Ini bermaksud pengkhususan sama ada guru pendidikan khas atau bukan tidak mempengaruhi penerimaan guru terhadap PPKI. Namun begitu, terdapat kajian Norasmah dan Rofilah (2013), menyatakan bahawa secara realitinya selain daripada mengurus pembelajaran murid dalam bilik darjah sebagaimana yang telah disediakan dari segi kurikulum dan sukatan mata pelajaran, tugas guru adalah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengkhususannya mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh pihak KPM. Selain itu, faktor lokasi sekolah yang berada di bandar dan di luar bandar juga tidak mempengaruhi penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI. Hasil dapatan kajian mendapati empat faktor demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi dan pengalaman mengajar adalah signifikan iaitu terdapat hubungan yang mempengaruhi tahap penerimaan guru. Kajian ini selari dengan kajian Zakirah Othman, Fadhilah Mat Yamin, Noorulsadiqin Azbiya Yaacob dan Nurul Huda Che Ali (2014), yang menyatakan bahawa sikap juga dapat dikaitkan dengan faktor demografi. Didapati responden yang mempunyai pengalaman bertani kaedah SRI dapat menentukan cabaran yang dihadapi. Berdasarkan pernyataan tersebut, dikaitkan bahawa pengalaman mengajar guru memang akan mempengaruhi penerimaan pelaksanaan PPKI. Semakin lama seseorang itu dalam sesuatu bidang, maka akan mempengaruhi fokus dan tumpuan serta amalan mereka seperti dapatan kajian mendapat bilangan guru yang berkhidmat lebih 20 tahun menyumbang kepada peratusan yang tinggi terhadap pelaksanaan PPKI.

Dapatan kajian tersebut berlainan dengan kajian Rohaizat (2019) yang menyatakan tidak ada perbezaan tahap pengetahuan antara guru yang berpengalaman lama dengan guru yang berpengalaman singkat. Guru yang berpengalaman masih tidak tahu tentang program yang dilaksanakan untuk MBK iaitu Program Pendidikan Inklusif (PPI). Pengkaji juga mendapati

pengalaman pendedahan guru aliran perdana dengan MBK dan PPI tidak menyumbang kepada pengetahuan dan sikap guru terhadap PPKI. Namun begitu, dapatan kajian ini selari dengan kajian Shari & Vranda (2016) yang menyatakan bahawa guru perempuan menunjukkan sikap yang lebih positif dalam hal ini berbanding dengan guru lelaki. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian yang menunjukkan bahawa peratusan guru perempuan lebih menerima pelaksanaan PPKI adalah lebih tinggi berbanding guru lelaki. Guru dengan tahap pendidikan lebih tinggi juga menunjukkan sikap positif yang lebih tinggi berbanding kategori lain. Walaupun kajian ini menunjukkan tahap sikap guru adalah tinggi, namun majoriti guru berpendapat murid bermasalah pembelajaran ini lebih sesuai ditempatkan di kelas PPKI.

6. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Oleh hal yang demikian, pengkaji agak sukar mendapat maklumat yang lebih sahih dan terperinci walaupun telah melibatkan semua guru di sepuluh buah sekolah rendah yang mempunyai PPKI di daerah Sibul. Namun begitu, kajian ini belum sempurna untuk mengetahui masalah-masalah lain yang mungkin dihadapi oleh guru yang menjadi faktor penyebab pelaksanaan PPKI di sesebuah sekolah belum mantap dari segi pengurusan seperti yang berlaku di negara lain. Isu-isu yang mempengaruhi faktor penerimaan terhadap pelaksanaan PPKI dapat diatasi sekiranya pelbagai pihak memainkan peranan masing-masing bukan hanya bergantung kepada guru. Namun begitu, kompetensi guru sememangnya merupakan keperluan dalam dunia pendidikan dan akan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman dan perubahan persekitaran. Kompetensi guru adalah mempunyai kecekapan yang tinggi dari segi pengetahuan, sikap dan amalan. Guru yang berkemampuan diharapkan dapat meningkatkan kemenjadian murid khususnya murid pendidikan khas. Implikasi dapatan ini diharap dapat meningkatkan lagi tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI bukan sahaja di sekolah yang mempunyai PPKI, namun di sekolah yang tiada kelas PPKI. Kajian ini menggunakan instrumen yang diadaptasi dari dua kajian lepas. Sebagai langkah penambahbaikan, dicadangkan satu instrumen yang lengkap untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan guru dapat dibina dalam kajian akan datang untuk dijadikan sumber rujukan bagi kajian yang akan datang. Seterusnya, kajian ini juga terbatas kepada pengetahuan, sikap dan amalan guru di daerah Sibul. Diharapkan kajian lanjutan untuk tujuan yang sama iaitu mengenalpasti tahap penerimaan guru terhadap pelaksanaan PPKI boleh diperluaskan kepada guru-guru di daerah lain di Sarawak memandangkan masih kurangnya kajian seperti ini dijalankan. Komitmen semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, guru-guru serta penglibatan dan sokongan pihak pentadbir, ibu bapa dan warga sekolah amatlah diperlukan bagi menjamin penerimaan pelaksanaan PPKI di daerah Sibul bermula pada peringkat sekolah sehingga ke serata dunia.

Rujukan

- Ab Latif, D., & Abdul M. 2019. The impact of Rusnani Concept Mapping (RCM) on Academic Achievement and Clinical Practices Among Diploma Nursing Students. *Education in Medicine Journal*, 9(4), 1-12.
- Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Khairul Anuar Hussin. 2013. Persepsi Guru Aliran Perdana Terhadap Inklusif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. 1980. *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*, PrenticeHall, Englewood Cliffs, NJ.

- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behavior. In J. Kuhi & J. Beckmann (Eds.), *Action. Control: From cognition to behavior* (pp. 11-39). Heidelberg: Springer.
- Ajzen, I., & Madden, T. J. 1986. Prediction of goal directed behavior: Attitudes, intentions, and perceived behavioral control. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22, 453-474.
- Aslina Saad, Ermie Dharlya Daud. 2016. *Kepelbagaian Model Penerimaan Teknologi Dan Sistem Maklumat*. International Conference On Ict In Education 2016.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. 1975. *Belief, Attitude, Intention and Behavior. An Introduction to Theory and Research*, Addison Wesley, Reading, MA.
- Dai Chien-Yun, Chen Wan-Fei, Yuan Yu-Hsi, Yen Chia-Hung. 2012. A Study on Modification of Knowledge, Attitude and Practice on Vocational High School Electronics Courses Integrated with Nanotechnology Concept. *Int. J. of Thermal & Environmental Engineering*, Volume 4, No. 1 (2012):73-79
- Farouk Djer. 2016. Factors Influencing the Intention to Use E-government Services in Algeria: An Empirical Study. [\(PDF\) Factors Influencing the Intention to Use E- government Services in Algeria: An Empirical Study \(researchgate.net\)](#)
- Jamilah Hj. Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid & Juliana Abdul Wahah. 2011. Sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia terhadap Isu Alam Sekitar (Knowledge, Attitude and Practices of Malaysian Society regarding Environmental Issues). *Akademika* 81(3) 2011: 103-115
- Kama Shaffeei, Abdul Rahim Razalli & Shamsul Rizal Khalil. *Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas Di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Manjong Perak.
- Lokman Bin Tahir, Nurul Qistin Bt Mustafa. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik Dan Vokasional Untuk Golongan Orang Kurang Upaya Di Tiga Buah Politeknik*.
- Manimeegalai Govindasamy. *Persepsi Terhadap Program Pendidikan Inklusif (PPI) Oleh Guru Aliran Perdana Dan Guru Pendidikan Khas Di Daerah Seberang Perai Tengah*.
- Mohd Qhairil Anwar Azhar & Zamri Mahamod. 2018. Tahap Perbezaan Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Menggunakan Enam Topi Pemikiran Berdasarkan Jantina Dan Pengkhususan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. *13 Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – Mylej)*. Ssn: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 2 (Nov. 2018): 13-24,
- Mohd Hilmi Mahmud, Kamaliah Hj. Siarap. 2013. *Kempen Pencegahan H1N1: Kajian Tentang Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penduduk Di Timur Laut Pulau Pinang*. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 29(1) 2013: 127-140
- Mohd. Mokhtar Tahar Farhana Najib. 2019. *Kesediaan Guru Aliran Perdana Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. E. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, eisbn:978-967-2122-715
- Mohd Najib Ghafar, Sanisah Jahaya. *Bias Pengajaran Guru Dalam Pelajaran Khas Dan Pelajaran Normal*.
- Mulud, Z. A. 2017. *Analysis of Likert Scale- Mean Score. The Impact of Rusnani Concept Mapping (RCM) On Academic Achievement and Clinical Practices Among Diploma Nursing Students*.
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah. 2020. *Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran (Special Education Teacher's Level Of Knowledge In Dealing With Learning Disabilities Student*. Faculty of Education and Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim 35900 Perak, Malaysia.

- Nor Kalsum Mohd Isa. 2016. Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Pelajar UPSI Terhadap Prinsip-Prinsip Kampus Lestari. *Jurnal Perspektif* Jil.8 Bil.1 (29-41) ISSN 1985-496X/eISSN 2462-2435
- Noor Hashimah Binti Hashim. 2017. Kepimpinan Lestari Pengetua, Pengurusan Pengetahuan Organisasi Dan Tingkah Laku Inovatif Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Harian Berpencapaian Tinggi Di Utara Semenanjung Malaysia.
- Pallant, J. 2016. *SPSS Survival Manual: A Step-by-Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS*, 6th Edn Crow Nest. NSW: Allen &Unwin.
- Pranchis Andin. 2018. Penerimaan Modul Latihan Berasaskan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model) Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Keningau
- Sazanah Md Ali, Ahmad Zamzuri Mohamad Ali. 2019. Pengaruh Tanggapan Mudah Guna Dalam Penerimaan Terhadap Laman Perkongsian Video Pendidikan Berfokus. *Asia-Pacific Journal Of Information Technology And Multimedia Jurnal Teknologi Maklumat Dan Multimedia Asia-Pasifik*, vol. 8 no. 1: 1 – 15 e-issn: 2289-2192
<http://www.ftsm.ukm.my/apjitm>
- Siti Nor Diana binti Mohamad & Abdul Aziz bin Othman. Hubungan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Amalan Berkaitan Alam Sekitar: Kajian Ke Atas Pelajar STML. Universiti Utara Malaysia (UUM). School of Technology Management & Logistic (STML). College of Business, Universiti Utara Malaysia.
- Siti Rubiyani Bt Omar, Noradilah Binti Abdul Wahab, Mohd Shahril bin Othman, Abdullah Bin Yusof & Raihan Binti Arifin. Kompetensi Guru Pendidikan Khas Terhadap Murid Bermasalah Pembelajaran: Kajian Literatur. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
- Taber, K. S. 2018. The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296
- Zakirah Othman, Fadhilah Mat Yamin, Noorulsadiqin Azbiya Yaacob & Nurul Huda Che Ali. 2014. Kajian Kesiediaan Penerimaan Teknik SRI Dalam Kalangan Petani Luar Bandar Menggunakan Pendekatan Model Teori Tingkahlaku Yang Dirancang. *Prosiding PERKEM ke-9 (2014)* 321 - 326 ISSN: 2231-962X